

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan import makanan setiap tahun dari 2010 hingga 2019 ikut pecahan lima negara utama dan jenis-jenis makanan dan jumlah nilai import.

**JAWAPAN**

**Yang Dipertua,**

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2010 hingga 2018 jumlah import makanan negara setiap tahun adalah antara RM30.0 bilion hingga RM50.0 bilion. Bagi tahun 2019 jumlah import makanan negara sehingga Ogos 2019 adalah sebanyak RM 34.2 bilion. Import makanan negara telah meningkat pada kadar purata 6.5% setahun daripada RM 30.0 bilion pada tahun 2010 kepada RM 50.0 bilion pada tahun 2018.
- 5 negara utama import makanan negara adalah seperti China, India, Thailand, Indonesia, dan New Zealand. Import makanan mengikut 12 kategori utama adalah seperti berikut:

	Sektor Makanan	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019 (Sehingga Julai)
1	Binatang hidup	0.2	0.2	0.2	0.3	0.3	0.4	0.3	0.3	0.3	0.1
2	Daging dan sediaan daging	1.7	2.0	2.2	2.6	2.9	3.4	3.4	4.1	3.9	2.2
3	Hasil tenusu	2.0	2.5	2.7	3.3	3.9	3.5	3.1	3.9	3.8	2.4
4	Ikan, krustasea, moluska dan sediaan	2.4	2.9	3.2	3.2	3.6	3.6	3.8	4.1	4.1	2.5
5	Bijirin dan sediaan bijirin	3.6	4.3	4.1	3.8	4.1	4.7	4.3	6.4	7.1	4.3

**NO SOALAN : 39**

6	Sayur-sayuran	2.8	2.7	2.7	3.2	3.2	4.5	5.1	5.1	4.6	2.6
7	Buah-buahan	1.4	1.6	1.8	2.1	2.3	3.2	3.7	3.9	3.9	2.4
8	Gula, sediaan gula dan madu	2.9	3.4	3.7	3.4	3.8	3.4	4.0	4.7	3.8	2.0
9	Kopi, koko, teh dan rempah	5.0	5.6	5.2	5.1	6.3	6.5	6.7	7.0	7.0	4.5
10	Bahan makanan untuk ternakan	5.1	5.7	6.4	7.4	7.5	7.0	6.7	6.2	5.9	3.3
11	Keluaran dan sediaan makanan lain	3.0	3.4	3.8	4.3	4.6	5.2	5.5	5.6	5.7	3.4
	<b>Jumlah Makanan</b>	<b>30.2</b>	<b>34.4</b>	<b>36.0</b>	<b>38.8</b>	<b>42.6</b>	<b>45.3</b>	<b>46.7</b>	<b>51.3</b>	<b>50.1</b>	<b>29.8</b>

3. Manakala import makanan mengikut pecahan lima (5) negara utama adalah seperti berikut:

	2010		2011		2012		2013		2014	
	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)
1	China	3.43	China	3.67	China	3.74	China	3.98	China	4.64
2	Indonesia	3.35	Thailand	3.31	India	3.35	Argentina	3.72	Argentina	3.79
3	Australia	2.78	Indonesia	3.01	Argentina	3.19	India	3.52	Thailand	3.75
4	Argentina	2.66	India	2.84	Thailand	3.03	Indonesia	3.20	Australia	3.44
5	Thailand	2.47	Brazil	2.80	Australia	2.97	Brazil	3.13	India	3.40
6	Negara lain	15.50	Negara lain	18.82	Negara lain	19.77	Negara lain	21.26	Negara lain	23.58
	<b>Jumlah</b>	<b>30.19</b>	<b>Jumlah</b>	<b>34.45</b>	<b>Jumlah</b>	<b>36.05</b>	<b>Jumlah</b>	<b>38.80</b>	<b>Jumlah</b>	<b>42.60</b>
	2015		2016		2017		2018		2019 (Jan-Julai)	
	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)	Negara	Import (RM Bilion)
1	China	5.35	China	5.95	China	6.08	China	5.94	China	3.31
2	Thailand	3.98	Brazil	4.13	Brazil	4.86	Thailand	4.80	Thailand	2.84
3	Australia	3.68	Australia	3.57	Argentina	4.40	Argentina	4.41	Argentina	2.47
4	Argentina	3.67	Argentina	3.56	Thailand	3.84	Indonesia	3.47	India	2.13
5	Indonesia	3.38	Indonesia	3.55	Australia	3.67	Australia	3.44	USA	1.91
6	Negara lain	25.25	Negara lain	25.98	Negara lain	28.43	Negara lain	28.09	Negara lain	17.16
	<b>Jumlah</b>	<b>45.32</b>	<b>Jumlah</b>	<b>46.75</b>	<b>Jumlah</b>	<b>51.27</b>	<b>Jumlah</b>	<b>50.15</b>	<b>Jumlah</b>	<b>29.82</b>

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM**  
**[ SERIAN ]**  
**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 40**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah rendah usang atau daif di seluruh negara dan negeri Sarawak khasnya dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaikinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan murid-murid di negara ini menikmati ruang yang kondusif untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran. Untuk itu, pelaksanaan program pembangunan semula sekolah daif akan terus menjadi keutamaan KPM untuk menyediakan tempat belajar yang selamat dan selesa kepada murid-murid.

Berdasarkan data KPM, projek pembangunan dan menaik taraf sekolah daif dari tahun 2016 sehingga 2019 di seluruh negara adalah sebanyak 577 buah sekolah. Di Semenanjung sahaja, pelaksanaan naik taraf dan pembanguanan semula sekolah daif melibatkan 226 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah **tiga ratus lima puluh satu juta ringgit (RM351 juta)**. Di Sarawak pula, sebanyak 198 buah sekolah telah dinaik taraf dengan peruntukan berjumlah **enam ratus tujuh puluh lapan perpuluhan sembilan tujuh juta ringgit (RM678.97 juta)** manakala di Sabah, sebanyak 153 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan peruntukkan sebanyak **lima ratus lima puluh dua perpuluhan**

**satu lima dua juta ringgit (RM552.152 juta)** melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI).

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak **sepuluh juta ringgit (RM10 juta)** telah diluluskan di negeri Sabah untuk tujuan naik taraf dan pembangunan semula bagi tiga (3) buah sekolah daif. Di Sarawak pula, peruntukan sebanyak **seratus juta ringgit (RM100 juta)** telah diluluskan untuk tujuan naik taraf dan pembangunan bagi 32 buah sekolah, manakala **lapan belas juta ringgit (RM18 juta)** telah diperuntukkan untuk tujuan naik taraf dan pembangunan bagi lapan (8) buah sekolah di Semenanjung. Kesemua projek-projek ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka dan projek-projek ini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri Sarawak juga telah melaksanakan projek penyelenggaraan sekolah dalam projek *Rural Transformation Initiative* (RTI) dengan kos **dua puluh satu juta ringgit (RM21 juta)** untuk 66 sekolah yang dilaksanakan pada tahun 2018 hingga 2020 serta pembinaan sekolah baharu, iaitu SK Meludam dan SK Ulu Segan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil oleh KPM untuk memperbaiki sekolah-sekolah daif di Sarawak. Antaranya termasuklah pelaksanaan projek *Industrialized Building System* (IBS) melibatkan 20 buah sekolah pada 2016, 30 sekolah pada 2017 dan 116 buah sekolah pada tahun 2018. Pada tahun 2019, 32 buah lagi sekolah telah dirancang untuk dibaik pulih menggunakan IBS. Selain itu, KPM juga mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada setiap tahun untuk memastikan pelaksanaan menaik taraf sekolah-sekolah daif ini dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**  
**[ PADANG SERAI ]**  
**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 41**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kementerian disarankan untuk meneliti dan mengkaji balik dengan lebih mendalam dan terperinci sebelum sesuatu pembaharuan dibawa masuk ke dalam sistem pembaharuan pendidikan, walaupun ianya telah diluluskan oleh pihak Kerajaan dahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara seiring dengan perkembangan dunia hari ini.

KPM juga sentiasa meneliti dan mengkaji secara mendalam sesuatu pembaharuan pendidikan yang memberi impak positif kepada pembangunan negara. KPM percaya bahawa sebarang dasar-dasar baharu atau kajian semula dasar pendidikan perlu diteliti secara terperinci dan tidak dilakukan secara tergesa-gesa bagi memastikan hasrat dan objektif utama dasar tersebut terlaksana dan bermanfaat untuk semua.

Sehubungan dengan itu, beberapa proses yang akan dilaksanakan seperti kajian terperinci, penanda arasan pelaksanaan

dengan negara luar, sesi libat urus dengan *stakeholder* serta pihak-pihak berkepentingan dan juga pembentangan di Mesyuarat Pengurusan Tertinggi untuk mendapatkan pandangan serta persetujuan. Proses-proses ini dilaksanakan bagi memastikan bahawa sesuatu dasar yang akan dilaksanakan ada bersifat komprehensif dan inklusif, adil serta mampu memacu sistem pendidikan negara ke arah kecemerlangan.

Oleh itu, antara usaha yang telah dilaksanakan oleh KPM ialah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) yang dianggotai oleh pakar daripada kalangan ahli pendidik, badan bukan kerajaan dan pakar agama bagi meneliti dasar pendidikan negara secara holistik dan komprehensif. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji semula dan mengemukakan laporan perakuan dasar untuk menambah baik sistem pendidikan negara di peringkat prasekolah hingga ke peringkat universiti. Laporan akhir JKDPN telah diserahkan kepada KPM pada akhir bulan April 2019 lalu. Semua syor yang dikemukakan oleh JKDPN sedang diteliti secara terperinci melalui siri makmal serta perbincangan umum yang akan dilaksanakan selanjutnya selepas ini oleh KPM. Siri makmal serta perbincangan umum yang sedang dilaksanakan ini akan memberi peluang kepada semua pemegang taruh berkaitan untuk meneliti semua syor ini terutamanya daripada aspek kebolehlaksanaan.

Sekian, terima kasih.